

CNS6814

R GB 26-01 00147 XB848

aab

Mahathir - Asean

SINGAPURA, 26 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin penubuhan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) yang dicadangkan akan menjadi kenyataan dalam tempoh kurang daripada lima tahun.

Perdana Menteri berkata, adalah menjadi perkara biasa bagi sebarang cadangan peringkat antarabangsa, termasuk usaha Asean, mengambil masa yang panjang untuk diwujudkan.

+Tetapi, bagi EAEC kita menjangka ia akan bergerak lebih cepat dan akan menjadi kenyataan dalam tempoh lima tahun atau sebelum Sidang Kemuncak akan datang,+ katanya kepada wartawan Malaysia di sini, hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata beliau menyatakan keyakinan itu kerana, sebagai sebuah kumpulan serantau, Asean telah bergerak lebih pantas daripada kebanyakan kumpulan lain.

Ada sesetengah kumpulan yang lebih kerap bermesyuarat tetapi tidak mencapai kejayaan yang setimpal, katanya dan menambah kata, Asean sebaliknya telah diakui mencapai kejayaan yang memberangsangkan. -- Lagi.

▼26/01/16-45MST

aab

Mahathir - Asean 2 Singapura

Perdana Menteri berkata, pada hakikatnya walaupun EAEC belum ditubuhkan, perdagangan bebas masih boleh diusahakan dengan mendapatkan pandangan daripada seberapa banyak negara sebagai persiapan menghadapi Pusingan Uruguay pada Perjanjian Am mengenai Tarif dan Perdagangan (GATT) akan datang.

Bagaimanapun, beliau menyatakan kebimbangan Asean tidak dapat menyatakan pendirian pada pusingan GATT akibat beberapa kelewatan terutama mengenai cara Amerika Syarikat menjalankan rundingan dua hala dengan Jepun.

Ketika mengulas kenyataan negatif Amerika Syarikat terhadap cadangan penubuhan EAEC dengan berkata bahawa mereka bertanggungjawab untuk menyekat sebarang penubuhan blok perdagangan ketiga, beliau berkata ia secara langsung merupakan pengakuan Amerika Syarikat bahawa mereka merupakan blok perdagangan kedua.

+Ini adalah pengakuan yang cukup berkesan dan mempunyai banyak makna yang amat penting kerana sementara Eropah dan Amerika boleh menjadi blok perdagangan, Asia Timur tidak boleh berbuat demikian sedangkan pada hakikatnya kita tidak mempunyai niat seumpama itu,+ kata beliau.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, bagi membalas kenyataan Amerika Syarikat itu, Asean perlu bertindak berdasarkan keadaan yang berlaku dengan mengadakan tindakan susulan dan usaha penerangan kepada bakal-bakal anggota kumpulan itu. -- Lagi

▼26/01/15-28MST

U GB 26-01 00158 XA735

aab

Mahathir - Asean 3 (Akhir) Singapura

Datuk Seri Dr Mahathir berkata jika dokumen mengenai EAEC diterima oleh semua ketua kerajaan Asean, ini bermakna ia menepati keputusan yang dicapai pada Mesyuarat Menteri Ekonomi Asean di Kuala Lumpur tahun lepas dan mesyuarat susulan yang diadakan di sini.

+Kita tidak meminta lebih daripada itu, kerana EAEC bagi kita seperti yang dipersetujui, menepati cadangan asal yang dibuat,+ kata beliau.

Menyentuh dua cadangan lain yang akan dibawa ke sidang kemuncak esok -- AFTA dan CEPT -- Perdana Menteri berkata, kedua-duanya merupakan cadangan yang bernas +dan kita menyokong kedua-duanya.+

Ketika ditanya mengenai isu-isu yang dibangkitkannya pada pertemuan dua hala dengan Ketua-ketua Kerajaan Asean, Perdana Menteri berkata tidak ada perkara tertentu yang dibincangkan kerana beliau berpendapat sebahagian besar daripada perbincangan telah dijalankan pada peringkat menteri.

Beliau berkata adalah menjadi prosedur Asean, Ketua-ketua Kerajaan menerima cadangan-cadangan menteri mereka berdasarkan keputusan mesyuarat. -- Bernama.